

**“SUARA-SUARA MANUSIA KECIL” DALAM  
DRAMA PENTAS HATTA AZAD KHAN  
DARIPADA PERSPEKTIF SOSIOLOGI SASTERA**

**GHAZALI BIN ISMAIL**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2013**

**“SUARA-SUARA MANUSIA KECIL” DALAM DRAMA PENTAS HATTA  
AZAD KHAN DARIPADA PERSPEKTIF SOSIOLOGI SASTERA**

**Oleh**

**GHAZALI BIN ISMAIL**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**JUN 2013**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya, tesis ini dapat disempurnakan. Semoga usaha penulisan ini diterima sebagai ibadah, untuk memperkayakan ilmu dan mendapat keredhaan-Nya.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Mohd. Kipli bin Abdul Rahman selaku penyelia utama kerana tidak pernah jemu membimbing, memberi tunjuk ajar dan mengemukakan cadangan-cadangan yang bernas sepanjang proses penghasilan tesis ini. Segala komitmen dan perhatian yang ditunjukkan itu, telah memberi dorongan untuk terus lebih gigih dalam usaha melengkapkan kajian ini. Tidak lupa juga, sekalung penghargaan kepada Dr. Mumtaz Begum binti PV Aboo Backer, selaku penyelia bersama.

Penghargaan yang tidak ternilai juga diberikan kepada ahli keluarga, khususnya kepada ibu mertua serta isteri tercinta, Azizah binti Yunus dan putera-puteri tersayang, Nurin, Aiman, Syira, Wawa, Tisha dan Ika. Jadikan kejayaan Abah sebagai dorongan untuk kalian. Juga kepada abang-abang, kakak-kakak dan seluruh ahli keluarga lain yang sentiasa memberi sokongan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada sahabat-sahabat khususnya, Dr. Shaiful Bahri Md.Radzi yang banyak berkongsi ilmu dan kepakaran. Tidak ketinggalan juga kepada sahabat-sahabat di Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, yang banyak membantu sepanjang menyiapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan turut dirakamkan kepada Profesor Hatta Azad Khan, yang telah memberikan kerjasama sepanjang menjalankan kajian ini. Akhir sekali, tidak dilupakan kepada kakitangan, Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia, kerana memberi ruang dan peluang untuk meneroka ilmu pengetahuan sehingga ke peringkat ini.

Sesungguhnya, segala bantuan yang diberikan oleh semua pihak dalam usaha menyiapkan tesis ini, tidak dapat dibalas dengan kudrat yang ada. Hanya diiringi doa yang berpanjangan, semoga Allah membalas budi baik kalian dengan ganjaran pahala. Amin!

Ghazali bin Ismail  
SEREMBAN 2  
Negeri Sembilan

## SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iii
Daftar Jadual	vi
Dartar Rajah	vii
Daftar Singkatan	viii
Daftar Lampiran	ix
Abstrak	x
Abstract	xi
<b>BAB 1 - PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	4
1.2 Objektif Kajian	7
1.3 Tujuan Kajian	8
1.4 Kepentingan Kajian	9
1.5 Skop dan Batasan Kajian	12
1.6 Metodologi Kajian	20
1.7 Kerangka Teori	23
1.8 Kajian Lepas	32

## **BAB 2 - HATTA AZAD KHAN DAN KEPENGARANGANNYA**

2.0	Pengenalan	42
2.1	Diri dan Pendidikan	43
2.2	Dunia Kreatif	51
2.3	Penglibatan Sebagai Ahli Akademik	64
2.4	Penglibatan dalam Bidang Pentadbiran	66
2.5	Pengiktirafan dan Anugerah yang Diraih	68
2.6	Hatta dan Dunia Pendramaan	70

## **BAB 3 - DIMENSI SOSIAL**

3.0	Pengenalan	79
3.1	Teks Drama sebagai Dokumen Sosial	80
3.2	“Suara-Suara Manusia Kecil” Ciptaan Hatta	86
3.3	Ketidakadilan Sosial	94
3.4	Nilai Sosial dan Pegangan Agama Islam	119
3.5	Integrasi Sosial dan Pembinaan Negara Bangsa	136

## **BAB 4 - DIMENSI EKONOMI DAN POLITIK**

4.0	Pengenalan	159
4.1	Dimensi Ekonomi	161
	4.1.1 Kemiskinan Luar Bandar	166
	4.1.2 Kemiskinan Bandar dan Pinggir Bandar	180
4.2	Dimensi Politik	193
	4.2.1 Penyelewengan Kuasa	199
	4.2.2 Amalan Rasuah dan Kronisme	217

<b>BAB 5 - STRATEGI NARATIF</b>	
5.0 Pengenalan	228
5.1 Strategi Naratif Hatta	229
5.2 Bahasa/Dialog	234
5.2.1 Kolokial	237
5.2.2 Prosa Formal	266
5.3 Teknik Teaterikal	280
5.3.1 Kesan Visual	281
5.3.2 Kesan Bunyi, Nyanyian dan Muzik	290
<b>BAB 6 - KESIMPULAN</b>	294
<b>RUJUKAN</b>	301
<b>LAMPIRAN</b>	312

## DAFTAR JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 2.1	Penglibatan Hatta dalam seni persembahan Melayu	61
Jadual 2.2	Persoalan/Isu dan latar masyarakat yang terdapat dalam drama Hatta	75
Jadual 3.1	Pemaparan isu ketidakadilan sosial dalam drama Hatta	96
Jadual 3.2	Nilai sosial bertunjangkan ajaran Islam dalam drama pentas Hatta	124
Jadual 3.4	Ciri-ciri integrasi sosial yang tergambar dalam drama pentas Hatta	139
Jadual 4.1	Isu ekonomi dalam karya drama pentas Hatta	163
Jadual 4.2	Isu politik dalam karya drama pentas Hatta	199
Jadual 5.1	Strategi naratif, subgenre dan aliran drama pentas Hatta	233
Jadual 5.2	Elemen bahasa/dialog dalam drama pentas Hatta	236

## DAFTAR RAJAH

		<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Model Struktural Genetik Lucien Goldmann.	31
Rajah 2.1	Carta pai penglibatan Hatta dalam dunia persembahan Melayu.	63
Rajah 2.3	Analisis kekerapan pemaparan isu sosial, politik dan ekonomi dalam drama pentas Hatta	77
Rajah 3.1	Drama Hatta sebagai dokumen sosial masyarakat Malaysia	85
Rajah 3.2	Susun lapis masyarakat tradisional Melayu	88
Rajah 4.1	Carta pai isu ekonomi dalam drama Hatta	164
Rajah 5.1	Kekerapan aplikasi strategi naratif berdasarkan dua elemen dominan yang terdapat dalam drama pentas Hatta	234



## DAFTAR SINGKATAN

dlm.	Dalam
hlm.	Halaman
pngr.	Penyelenggara
pnyt.	Penyunting
USM	Universiti Sains Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
ASWARA	Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
SAW	Sallallahu Alahai Wassalam

## DAFTAR LAMPIRAN

	<b>Halaman</b>
Lampiran 1	312
Jadual senarai ulasan, laporan dan kritikan terhadap karya seni Hatta Azad Khan	
Lampiran 2	314
Peta lokasi daerah Besut	
Lampiran 3	315
Transkripsi temu bual bersama Profesor Hatta Azad Khan siri satu	
Lampiran 4	320
Transkripsi temu bual bersama Profesor Hatta Azad Khan siri dua	

## **“SUARA-SUARA MANUSIA KECIL” DALAM DRAMA PENTAS HATTA AZAD KHAN DARIPADA PERSPEKTIF SOSIOLOGI SASTERA**

### **ABSTRAK**

Kajian ini membicarakan dunia kepengarangan Hatta Azad Khan yang cenderung melaungkan “suara-suara manusia kecil” dalam karya drama pentasnya. “Suara-suara manusia kecil” ini merupakan luahan hati, kritikan, ketidakpuasan hati, marah dan rasa berontak golongan bawahan yang didakwanya sebagai golongan yang tertindas dan terpinggir. Data kajian ini difokuskan kepada 10 buah drama pentas karya Hatta yang antara lain terdiri daripada *Kerusi* (1976), *Patung-Patung* (1977), *Mayat* (1978), *Stesen* (1978), *jebat* (1982), *Syyy!...*(1984), *Nasib* (1986), *Muzikal Tanah, Air, Api dan Angin* (1994), *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* (2006) dan *Muzikal Kampung Baru* (2008). Kajian ini berorientasikan teori sosiologi sastera acuan Goldmann bagi merungkai kecenderungan kepengarangan Hatta yang sedemikian rupa. Penemuan kajian memperlihatkan bahawa, Hatta sememangnya pejuang golongan bawahan. Keprihatinan beliau terhadap nasib yang menimpa golongan bawahan yang sering tertindas dan terpinggir, diungkapkan sama ada daripada aspek sosial, ekonomi mahupun politik. Pada Hatta, drama pentas menjadi wadah penyaluran tanggungjawab sosialnya dalam usaha pembelaan ke atas golongan ini. Setiap mesej yang disampaikan dalam karya mempunyai homologi yang begitu erat dengan realiti hidup yang berlaku dalam sejarah perkembangan negara. Bagi memberikan kesan tersendiri dalam menyedarkan masyarakat umum dan pemerintah khususnya, Hatta mengaplikasikan naratif persembahan drama dengan begitu berkesan sekali.

## **“POWERLESS GROUP VOICES” ON HATTA AZAD KHAN’S PLAYS FROM THE PERSPECTIVE OF THE SOCIOLOGY OF LITERATURE**

### **ABSTRACT**

This study discusses the authorship of the renowned playwright Hatta Azad Khan, whose theatrical works tend to reverberate with “powerless group voices” or the lesser echoes of the oppressed Other. “Powerless group voices” deploy the pain, criticism, ill-feeling, resentment and protestation of the lower stratum of the masses who, so the playwright has claimed, have been the victims of systematic oppression and marginalization of the country’s mainstream. The data of this study is based on 10 plays by Hatta, namely, *Kerusi* (1976), *Patung-Patung* (1977), *Mayat* (1978), *Stesen* (1978), *jebat* (1982), *Syyy!...* (1984), *Nasib* (1986), *Muzikal Tanah, Air, Api dan Angin* (1994), *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* (2006) and *Muzikal Kampung Baru* (2008). This study utilizes Goldman’s theory of sociology of literature in order to examine Hatta’s authorial. This study finds that Hatta is actually the defender of the masses. He portrays the oppressed and marginalized within social, economic and political discourses. For Hatta, the theatre thus becomes the medium for voicing his views as an informed citizen who must make the effort to defend the cause of the powerless group. There is a very close homological relationship between the messages his plays and the everyday reality and the nation’s historicity. Hatta has employed effective narrative strategies in order to give impressionable effects in raising the awareness of the society and the government.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Sejarah perkembangan drama tanah air telah membuktikan bahawa, drama Melayu merupakan cerminan budaya bangsa Melayu. Karyawan drama Melayu sebagai manusia pemikir; dapat melihat dan merasakan denyut nadi ahli masyarakatnya, lalu didokumentasikan dalam bentuk medium bahasa/dialog yang disalurkan melalui bermacam-macam bentuk penanda dan persimbolan. Karyawan drama, yang lahir dan membesar dalam lingkungan budaya Melayu merupakan perakam yang mengungkap setiap kejadian yang berlaku dalam masyarakatnya.<sup>1</sup> Hakikat sedemikian menjadikan teks drama berupaya berfungsi sebagai dokumen sosial masyarakat Melayu. Melalui teks drama Melayu, dapat ditelaah cara hidup dan cara berfikir ahli masyarakatnya, kerana teks drama merupakan salah satu daripada produk kebudayaan.<sup>2</sup>

Salah seorang daripada pengarang drama yang sering menjadikan isu masyarakat dan budaya Melayu sebagai objek karya kreatifnya adalah karyawan Hatta Azad Khan. Sepanjang penglibatannya dalam dunia penulisan drama pentas, Hatta Azad Khan telah menghasilkan tidak kurang daripada 16 buah skrip drama yang kebanyakannya sudah dipentaskan. Hatta dianggap sebagai karyawan yang

---

<sup>1</sup> Hal ini sejajar dengan pendapat Solehah Ishak (1991) yang mengatakan bahawa, teks drama merupakan satu resolusi, satu deklarasi sikap pengarang terhadap satu penyelesaian berkaitan isu yang dibentangkan, maka itu teks drama cuba menggambarkan kehidupan masyarakatnya, sistem nilai dengan makna yang terkandung dalam kebudayaan pengarang.

<sup>2</sup> Ahli antropologi dan sosiologi mendakwa bahawa setiap produk kebudayaan tidak lahir secara semulajadi tetapi dicipta hasil daripada interaksi manusia dengan persekitaran di sekelilingnya. Perkara ini akan dibincangkan secara mendalam dalam sub topik 1.7.

kreatif kerana dikatakan berupaya memugar tema serta persoalan yang besar dan kompleks dengan pandangan sejagat dan berideologi. Teks dramanya bukan sahaja sesuai dengan konteks pertandingan teater yang membataskan waktu tertentu untuk pementasannya, tetapi juga mempunyai ruang pemaknaan yang luas untuk dikreativitikan oleh penggiat drama seperti pengarah, pelakon dan jurutekniknya.<sup>3</sup> Hatta juga dilihat berjaya mewacanakan setiap isu dengan strategi naratif yang mengkagumkan melalui pelbagai bentuk subgenre drama seperti drama tragedi, komedi dan melodrama.

Selain itu, drama-drama beliau juga turut diadakan dalam pelbagai rencah aliran drama seperti aliran realisme, antirealisme dan muzikal. Antara karya drama pentas Hatta Azad Khan yang tersohor adalah *Kerusi* (1976), *Patung-Patung* (1977), *Mayat* (1978), *Syyy!...* (1984), *Muzikal Tanah, Air, Api dan Angin* (1994), *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* (2006) dan *Muzikal Kampung Baru* (2008). Dalam dekad 1970-an, drama *Kerusi* (1976), *Patung-Patung* (1977) dan *Mayat* (1978) merupakan buah tangan Hatta yang dikatakan melonjakkan namanya sebaris dengan dramatis lain seperti Sasterawan Negara (SN) Noordin Hassan<sup>4</sup>, Dinsman<sup>5</sup> dan Johan Jaafar.<sup>6</sup>

---

<sup>3</sup> Menurut Mana Sikana (2006), sesuatu yang paling penting adalah karya Hatta Azad Khan amat kaya dengan makna semiotik dan analogitik yang relevan dengan setiap zaman. Menurutnya lagi, melalui drama *Patung-Patung* (1977) misalnya, Hatta Azad Khan begitu bijak menggabungkan unsur tragik dan komedi serta menggunakan gaya komersialistik kolokial yang selalu menawan indera pendengaran khalayak.

<sup>4</sup> Dato' Noordin Hassan merupakan penerima Anugerah Sastera Negara atas sumbangannya dalam genre skrip drama pentas pada tahun 1993. Beliau seorang dramatis penting yang telah menyumbang kepada perkembangan drama dan teater moden Melayu sejak tahun 1960-an. Karya-karya beliau mendapat pengiktirafan masyarakat dan negara kerana seringkali membawa keunikan dan kelainan serta menuntut pemahaman yang jitu daripada pemikiran yang terbuka. Beliau terkenal dengan konsep penulisan dan pementasan "Teater Fitrah" yang dipelopori dan diperjuangkannya hingga kini.

<sup>5</sup> Nama sebenar beliau adalah Che Shamsuddin bin Othman. Dinsman adalah salah seorang penggiat teater kontemporari Malaysia dengan karya-karyanya yang beraliran absurd ala-Malaysia. Kegiatannya sebagai dramatis dipupuk sejak belajar di Universiti Malaya sekitar awal tahun 1970-an. Drama-drama ciptaannya seperti *Jebat* (1973), *Protes* (1974) dan *Bukan Bunuh Diri* (1975) telah memperkenalkan Dinsman sebagai penulis, pelakon dan pengarah teater yang banyak melakukan percubaan-percubaan yang "theatrical". *Jebat* telah dipilih sebagai pemenang tempat pertama dalam

“Suara-suara manusia kecil” begitu lantang berkumandang dalam kesemua karya drama pentas yang dihasilkan Hatta. Suara manusia kecil yang terdiri daripada rakyat golongan kelas bawahan, sering dijadikan subjek naratifnya. Dalam *Mayat* (1978) umpamanya, setinggan yang menghuni kawasan pinggir kota digambarkan dalam keadaan penuh resah gelisah menempuhi liku-liku kehidupan; kesempitan hidup mencari sesuap nasi; kedaifan tanpa kemudahan asas air-api; dan keadaan menjadi lebih kritikal apabila ketiadaan tanah perkuburan untuk mengkebumikan mayat sahabat mereka. Begitu juga dengan drama *Muzikal Tanah, Air, Api dan Angin* (1994). Sekumpulan penduduk kawasan pedalaman yang meratapi kehilangan khazanah pusaka dan leluhur nenek moyang mereka, ditampilkan Hatta dengan struktur naratif yang cukup meyakinkan khalayak. Tanah dan rumah pusaka penduduk peribumi tergadai atas nama “pembangunan”. Seluruh penduduk kampung seolah-olah menjadi pengemis di bumi sendiri. Lebih malang lagi, maruah dan harga diri mereka diinjak-injak oleh orang kaya yang lebih berkuasa dan berpengaruh.

Tegasnya, pemusatan drama Hatta Azad Khan terhadap fenomena kumpulan yang “tertindas” dan menjadi “mangsa keadaan” adalah untuk mendedahkan kedaifan rakyat kelas bawahan yang merupakan penduduk paling ramai di negara

---

pertandingan drama anjuran Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) peringkat negeri Selangor pada tahun 1973. *Protes* juga memenangi tempat pertama pertandingan drama anjuran Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan peringkat Kebangsaan tahun 1974. Dinsman juga menghasilkan *Ana* pada tahun 1976; drama ini telah memenangi Hadiah Karya Sastra anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>6</sup> Tokoh drama ini merupakan salah seorang nama besar yang banyak memberi sumbangan kepada pembangunan perkembangan drama moden di Malaysia. Penglibatan beliau dalam bidang drama bermula sejak di bangku sekolah lagi iaitu pada akhir tahun 1960-an dan awal 1970-an. Semasa belajar di Universiti Malaya, beliau telah menyertai Kumpulan Kesenian Universiti Malaya (KESUMA) dan telah menerbitkan skrip drama pertama, *Kotaku Oh Kota* pada tahun 1976. Sesungguhnya Johan Jaafar lebih mementingkan kualiti berbanding kuantiti dalam penghasilan dramanya. Sepanjang penglibatannya Johan Jaafar telah menghasilkan beberapa buah drama pentas seperti *Angin Kering* (1976), *Kotaku Oh Kotaku* (1975) dan *Dia* (1977).

ini.<sup>7</sup> Senario ini menggambarkan bahawa Hatta Azad Khan seorang pengarang yang memiliki tanggungjawab sosial yang tinggi. Melalui karya drama pentas, beliau melaungkan “suara kemanusiaan” dalam usaha membela nasib golongan marhaen dan masyarakat terpinggir terutama orang Melayu, bangsanya sendiri dan juga penduduk peribumi yang lain. Sesungguhnya, Hatta merupakan dramatis pejuang golongan kelas bawahan persis watak Jebat yang menjadi “juara rakyat”, sebagaimana yang dinukilkan dalam salah sebuah drama pentasnya, *jebat* (1982).

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Pengarang adalah individu dan ahli masyarakat yang sangat prihatin dan peka terhadap peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Pengarang meluahkan segala isi hati ke dalam karya kreatifnya melalui pemerhatian yang dikutip dari persekitaran yang melingkunginya. Fenomena ini sememangnya tidak asing pada diri dramatis Hatta Azad Khan. Menurutnya, seorang karyawan yang besar pastinya menghasilkan karya besar tentang kisah suka duka bangsa dan negaranya sendiri (Hatta Azad Khan, 2009). Seolah-olah bertindak mengotakan kata-kata tersebut, Hatta menghasilkan karya drama pentasnya yang berkait rapat dengan masalah dan keperitan golongan kaum peribumi yang merupakan penduduk majoriti di negara ini. Kaum nelayan, para petani dan kumpulan penjaja jalanan yang “kais pagi makan pagi” ditransformasikan ke pentas dengan penuh dramatik.

Melalui pemerhatian yang dilakukan, hampir kesemua drama-drama Hatta tidak terlepas dari isu kemiskinan, kemunduran dan penindasan yang berlegar dalam kumpulan kelas bawahan. Pahit maung dan jerih payah golongan rakyat marhaen ini, mendominasi dalam kesemua drama pentasnya. Kumpulan manusia malang ini

---

<sup>7</sup> Makluman lanjut, sila rujuk bab 3 di bawah sub topik 3.3.



diberikan imej yang sangat positif dari segi moralnya, walaupun sangat daif dari segi fizikalnya. Sebaliknya, golongan atasan dan golongan yang berkuasa dilihat sebagai pencetus masalah kepada golongan bawahan. Lanjutan dari itu, Hatta juga berkecenderungan memberi kemenangan kepada golongan bawahan dan terpinggir sekiranya terdapat konflik di antara dua kelas sosial ini. Keadaan ini memperlihatkan Hatta Azad Khan seolah-olah bertindak sebagai jurucakap golongan marhaen. Beliau seakan-akan membina “jambatan kemanusiaan” yang menyalurkan perasaan tidak puas hati dan resah gelisah golongan rakyat kebanyakan agar dapat didengari oleh seluruh ahli masyarakat khususnya pemerintah.

Sebenarnya, laungan “suara-suara manusia kecil” dalam karya drama pentas Hatta, mulai kedengaran sejak dari 1970-an lagi. *Kerusi* (1976), *Patung-Patung* (1977) dan *Mayat* (1978); hasil tangan Hatta di peringkat awal pembabitannya dalam dunia penulisan drama, sudah sinonim dengan konflik golongan bawahan. Cetusan idea menulis drama-drama ini timbul, hasil daripada reaksinya terhadap kepincangan pentadbiran dan ketidakseimbangan pengagihan kekayaan negara. Peristiwa 13 Mei 1969<sup>8</sup> dan Peristiwa Baling<sup>9</sup> yang berlaku pada awal tahun 1970-an memikat pancaindera seni Hatta untuk diterjemahkan melalui karya drama pentasnya.

---

<sup>8</sup> Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan tragedi rusuhan kaum yang disifatkan sebagai kemuncak masalah perpaduan kaum di Malaysia pada waktu itu. Tragedi malang ini mengakibatkan banyak kehilangan nyawa serta harta benda dan mempunyai kaitan rapat dengan “Pilihan Raya Umum 1969”. Sesungguhnya peristiwa ini merupakan satu titik hitam dalam sejarah perkembangan negara Malaysia. Lihat perbincangan lebih mendalam dalam Ismail Said (2010).

<sup>9</sup> Peristiwa Baling tercetus pada 19 November 1974. Baling merupakan daerah pedalaman di negeri Kedah yang terasing daripada pembangunan. Majoriti rakyat di kawasan ini terdiri daripada penoreh getah dan petani. Kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat Baling berterusan apabila pada tahun 1974 ekonomi dunia berada dalam suasana meleset. Inflasi negara meningkat menyebabkan harga barang turut meningkat. Harga gula naik 10 sen, tepung gandum meningkat daripada 20 sen kepada 50 sen dan susu pekat menjadi 75 sen setin. Harga getah hanya naik 7 sen sekilo menyebabkan golongan marhaen ini kekurangan wang untuk membeli barangan harian. Secara purata, pendapatan keluarga Melayu di luar bandar adalah kecil dan menyukarkan lagi perbelanjaan mereka. Lihat huraian lanjut yang dikupas oleh Mohamad Ridhwan Bin Alias (2004).

Lantaran faktor sistem sosio-politik negara yang “tidak mesra” pengarang pada masa itu, misalkan penguatkuasaan Akta Hasutan, Hatta menyampaikan luahan hatinya dalam strategi naratif yang berbentuk simbolik. Kini, setelah terlibat selama hampir 40 tahun dalam dunia seni persembahan drama pentas, *trend* memperjuangkan golongan bawahan masih segar dan diadunkan secara tekal ke dalam karya kreatifnya. Drama pentasnya yang terkini *Muzikal Kampung Baru* (2008), masih lantang berkumandang “suara-suara manusia kecil” ini. Melalui drama bercorak muzikal ini, strategi naratif Hatta dilihat masih berbisa.

Penggarapan isu yang menyentuh golongan bawahan dalam drama-dramanya memperlihatkan bahawa Hatta seorang pengarang yang mempunyai tanggungjawab sosial yang tinggi. Tanggungjawab sosial ini menjadi faktor penolak yang mendorong Hatta “memperkatakan sesuatu” untuk dikongsikan dengan khalayak. Pada masa yang sama “sesuatu yang diperkatakan” itu, boleh dijadikan azimat dan panduan ke arah pembinaan sebuah negara bangsa yang maju dan progresif. Sememangnya, keinginan seperti ini terbenam dalam setiap sanubari pengarang yang menebal dengan rasa cinta akan bangsa dan negaranya. Hal ini kerana, pengarang karya kreatif dalam erti kata yang paling mutlak ialah seorang pemikir, seorang intelektual, yang selalu terlibat dengan keadaan dan situasi manusia di sekelilingnya kerana pengarang adalah perakam zaman masa lalu dan masa hadapannya (Muhammad Hj. Salleh, 1999). Solehah Ishak semasa menulis kata pengantar dalam *Tiga Teater Muzikal Hatta Azad Khan* (2008) menegaskan bahawa, drama-drama ciptaan Hatta lebih menitikberatkan kaum bawahan yang terbiar, tertindas dan berada dalam keadaan yang tertekan berbanding dengan orang kelas atasan yang mempunyai wang dan kuasa. Kepekaan dan keperihatinan Hatta terhadap nasib golongan marhaen, ketekalan beliau mengangkat isu tersebut dari dulu hingga kini,

serta kebijaksanaannya merencanakan strategi naratif yang menyakinkan khalayak, merupakan beberapa permasalahan yang sangat menarik untuk diterokai, dianalisis dan diperbahaskan. Mungkinkah faktor pendidikan yang diterima sejak kecil dan pergaulan seharian bersama anggota masyarakat, telah menerbitkan rasa tanggungjawab sosial yang menebal sehingga menimbulkan keterujaannya untuk menyuarakan resah gelisah golongan marhaen. Sehubungan itu, permasalahan kajian ini ingin mengungkapkan apakah benar Hatta Azad Khan merupakan seorang seniman pejuang golongan marhaen?

## **1.2 Objektif Kajian**

Penghasilan sesebuah skrip drama merupakan manifestasi daripada fenomena masyarakat yang menjadi intipati penceritaannya. Pengarang yang bijak akan memperkatakan, menyoal, menyaran dan sekali gus menyampaikan maklumat kepada khalayak. Hal ini kerana drama merupakan karya seni yang lahir daripada masyarakat, untuk masyarakat. Keadaan masyarakat sama ada berupa kejayaan atau kegagalan yang berpunca daripada sesuatu peristiwa atau kejadian, dijadikan persoalan drama yang diperkembang melalui pelbagai strategi naratif. Sehubungan itu, kajian ini dibina bersandarkan kepada dua objektif:

- i. Melanjutkan lagi kajian yang telah dibuat sebelum ini. Melalui tinjauan yang dilakukan, terdapat beberapa ulasan dan kajian yang telah dibuat oleh para pengkaji drama terhadap teks dan proses kepengarangan Hatta Azad Khan. Kebanyakan kajian-kajian tersebut diterbitkan dalam majalah, jurnal, kertas kerja dan buku.<sup>10</sup> Namun begitu, didapati bahawa kebanyakan kajian terdahulu dilakukan

---

<sup>10</sup> Melalui tinjauan yang dibuat, tidak kurang daripada 41 ulasan dan kritikan yang disiarkan dalam majalah dan akhbar tempatan. Lihat senarai lanjut dalam lampiran 1.

secara tidak mendalam. Pengkaji-pengkaji terdahulu tidak meneroka susur galur proses kepengarangan Hatta mengikut tatacara yang sistematik dan terperinci. Teks drama yang dijadikan data kajian juga, tidak menyeluruh. Selain itu, kaedah kajian juga tidak dibuat secara tersusun dan saintifik. Oleh itu, kajian lanjutan tentang gaya kepengarangan Hatta Azad Khan dalam bidang penulisan drama pentas yang lebih menyeluruh dan sistematik, perlu dilakukan bagi melengkapkan kajian-kajian yang terdahulu.

- ii. Membuat kritikan berupa peneguhan dan sanggahan terhadap kajian-kajian yang terdahulu. Sememangnya, terdapat beberapa bentuk analisis yang bersandarkan pelbagai pendekatan telah dibuat oleh pengkaji drama sebelum ini terhadap karya drama Hatta Azad Khan. Sehubungan itu, terdapat beberapa penemuan, rumusan dan cadangan yang telah diperkatakan. Namun begitu, masih terdapat banyak lagi ruang dan sudut pandangan yang boleh dibahaskan. Melalui kajian yang dibuat secara teratur dan sistematik, tidak mustahil akan ditemui beberapa penemuan baru dari sudut pandangan yang berbeza. Oleh hal yang demikian, penemuan baru yang akan ditemui dalam kajian ini berupaya memperkukuh dapatan kajian yang terdahulu ataupun sebaliknya, dijadikan asas untuk menolak rumusan yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu.

### **1.3 Tujuan Kajian**

Drama merupakan salah satu cabang kesusasteraan yang unik berbanding hasil sastera yang lain. Keunikannya didasarkan kepada hakikat bahawa, drama boleh

dikaji daripada beberapa sudut dan tahap. Drama boleh dikaji menerusi teks dan proses kepengarangannya, proses produksi dan pengarahannya, persembahan dan khalayaknya, estetika dan pelbagai aspek kehalusan seninya (Solehah Ishak, 2002). Secara teoritis, drama selalu dirujuk sebagai seni yang istimewa kerana drama mempunyai dua cabang seni, seni sastera dari sudut penskripannya dan seni persembahan dari sudut pementasannya. Kedua-dua cabang ini mempunyai sistem dan estetika yang berbeza tetapi masih mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain. Berdasarkan fakta tersebut, maka kajian ini dilaksanakan antara lain bertujuan untuk;

- i. Mengetahui kenapakah Hatta Azad Khan mengemukakan “suara-suara manusia kecil” melalui drama pentasnya.
- ii. Menganalisis bagaimana Hatta Azad Khan menyampaikan “suara-suara manusia kecil” melalui drama pentasnya.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini sangat penting demi mengangkat martabat kesenian Melayu khususnya genre drama melalui kritikan yang membina dan bersistematik. Hal yang demikian perlu, agar penulis-penulis drama sentiasa berada di landasan yang betul dan berfungsi dengan sebaiknya. Dalam sejarah perkembangan seni kreatif Melayu, genre drama kurang popular jika dibandingkan dengan karya seni yang lain seperti novel, cerpen dan puisi. Oleh itu, usaha mengangkat martabat drama khususnya drama-drama yang berkualiti tinggi, sangat perlu. Apabila martabat drama berada pada tahap yang memberangsangkan, secara langsung akan menarik minat orang ramai menikmati hasil karya drama. Faedah berterusan yang timbul hasil daripada penambahan minat tersebut, menyebabkan permintaan genre drama akan meningkat

sekaligus merangsang para penulis drama untuk terus berkarya. Lanjutan dari itu, semakin ramai penulis yang berminat untuk berkecimpung dalam genre drama, khususnya dalam kalangan penulis muda. Apabila keadaan ini terjadi, maka semakin meriahlah aktiviti penulisan drama di negara kita.

Setiap penulis memiliki tanggungjawab sosial untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Golongan penulis dilihat berupaya memikul tanggungjawab bagi menimbulkan tahap sedar (*awareness*) masyarakatnya melalui cara yang tersendiri. Hal ini dilihat sebagai memenuhi tuntutan bahawa, drama sebenarnya sebagai satu wadah atau pemangkin sastera kreatif untuk menyampaikan mesej dan pemikiran. Medium drama boleh dijadikan wadah untuk menyampaikan isi hati pengarang sama ada berupa cadangan atau kritikan. Sehubungan itu, karya drama sebenarnya berfungsi sebagai *check and balance* bagi pihak berkuasa dalam penggubalan dasar-dasar yang berkaitan dengan pengurusan rakyat dan negara. Oleh hal yang demikian, kajian ini penting untuk melihat sejauh mana tanggungjawab sosial yang ada dalam diri setiap pengarang, dilunaskan melalui medium karya kreatif mereka.

Selain itu, kajian ini juga penting untuk memberi ilmu pengetahuan kepada ahli masyarakat. Pembaca khususnya rakyat Malaysia, akan mendapat manfaat melalui kajian ini kerana mereka akan memperoleh beraneka maklumat dan informasi berguna. Paparan cerita dan peristiwa dalam karya kreatif membolehkan khalayak mengetahui mesej yang ingin disampaikan oleh seseorang pengarang. Mesej yang menyeru ke arah kebaikan yang disampaikan oleh pengarang sama ada yang berbentuk tersurat atau tersirat, boleh dijadikan pedoman hidup dalam usaha menjadikan masyarakat Malaysia sebuah negara yang maju dan berdaya saing.

Menurut Muhammad Haji Salleh (2009) sememangnya karya sastera (dalam apa genre sekali pun) melukis wajah jati diri bangsa, mententeramkan jiwa, mengajar manusia menjadi bertanggungjawab kepada jiran dan juga kepada bumi ini serta menyempurnakan kewujudan sebagai makhluk di dunia.

Seterusnya kajian ini juga penting kepada guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Drama merupakan salah satu cabang mata pelajaran Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang diajar oleh guru-guru bermula daripada tingkatan satu hingga lima. Memang tidak dinafikan, terdapat dalam kalangan guru-guru sukar untuk memberi bimbingan yang sewajarnya kepada pelajar terutama apabila menyentuh soal pemikiran dan persoalan yang terdapat dalam genre drama. Sehubungan itu, melalui kajian ini sedikit sebanyak akan dapat memberi panduan kepada guru dan pelajar dalam membuka ruang minda tentang aspek kritikan teks drama. Teknik membaca, memahami dan mentafsir teks dengan cara yang bijak dan berhemah, perlu bagi memudahkan pelajar dan guru menyusuri gugusan pemikiran pengarang yang merupakan nadi kepada sesebuah teks itu.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan kepada para pengkaji seterusnya untuk dijadikan panduan bagi membuat kerja-kerja kritikan teks drama. Kritikan teks drama yang baik sebenarnya berupaya menggali pelbagai perasaan yang disemaikan oleh penulisnya seperti semangat cintakan negara. Memandangkan kajian seperti ini merupakan sesuatu sumbangan idea yang baru, dapatan kajian ini diharap akan memberi sumbangan ke arah menyuburkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia dan seterusnya merealisasikan hasrat kerajaan untuk membina negara maju menjelang 2020.

## 1.5 Skop dan Batasan Kajian

Hatta Azad Khan merupakan dramatis yang serba boleh dan sangat berbakat. Beliau telah berkecimpung secara serius dalam tiga cabang seni persembahan Melayu iaitu drama pentas, filem cereka dan drama televisyen.<sup>11</sup> Sumbangan yang bermakna dan berterusan dalam ketiga-ketiga cabang seni persembahan Melayu ini menyaksikan tidak kurang daripada 10 hadiah, anugerah serta pengiktirafan telah diraih Hatta.<sup>12</sup> Oleh itu, terdapat banyak perspektif yang boleh diperkatakan tentang dunia kepengarangannya.

Namun begitu, bagi memudahkan kajian ini, skop kajian hanya akan menumpukan kepada hasil karya Hatta Azad Khan dalam genre drama pentas sahaja. Hasil karyanya dalam genre filem cereka, drama televisyen dan lain-lain genre tidak termasuk dalam skop kajian ini. Batasan pemilihan yang hanya menumpukan kepada genre drama pentas, dibuat berdasarkan kepada beberapa faktor iaitu;

- i. Berdasarkan rekod, penulisan skrip drama pentas yang telah dihasilkan Hatta mencatatkan jumlah yang paling banyak berbanding dengan produk seninya yang lain.
- ii. Kebanyakan anugerah yang diraih seperti Anugerah Seni Negara (2006) dan Anugerah SEA Write Award (2008), adalah pengiktirafan yang diberikan atas sumbangannya dalam bidang penulisan teks drama pentas.

---

<sup>11</sup> Lihat analisis keseluruhan karya seni Hatta mencakupi seni perfileman, seni drama televisyen dan seni drama pentas dalam bab 2.

<sup>12</sup> Huraian lebih lanjut senarai anugerah yang diraih Hatta dikemukakan dalam bab 2.



Sesungguhnya, penglibatan Hatta dalam dunia penulisan drama pentas sangat prolifik. Sejak dari tahun 1976 sehingga 2008, terdapat tidak kurang daripada 16 drama pentas telah ditulis oleh Hatta. Memandangkan jumlahnya yang agak banyak, hanya 10 skrip drama pentas sahaja dijadikan sebagai teks utama kajian ini. Pembatasan jumlah teks ini dibuat agar kajian lebih berfokus dan mendalam. Jumlah teks tersebut sudah memadai untuk dijadikan sampel data kajian yang boleh dianggap mewakili keseluruhan teks drama pentas Hatta. Antara teks yang menjadi pilihan adalah;

**i. *Kerusi (1976).***

Drama yang berkisar pada kepincangan dunia politik ini digerakkan oleh watak-watak seperti Srisegala, Putra, Masayu, Tuta-tuta dan Wira-wira. Srisegala digambarkan sebagai watak utama yang menjadi ketua yang zalim dan mempunyai kuasa mutlak ke atas pentadbirannya. Kezaliman Srisegala dan pengikut-pengikutnya telah ditentang oleh Putra dengan bantuan isterinya, Masayu dan beberapa orang penduduk kampung seperti Wira I dan Wira II. Usaha yang bersungguh-sungguh ditunjukkan oleh Putra dan kumpulannya, akhirnya berjaya menewaskan pemerintahan kuku besi Srisegala.

**ii. *Patung-Patung (1977).***

Drama ini juga boleh diklasifikasikan kepada drama berunsurkan politik. *Patung-Patung* mengisahkan watak Mega yang mempunyai kuasa luar biasa. Mega mempunyai kuasa mutlak ke atas patung-patungnya. Dia juga menguatkuasakan beberapa peraturan terhadap patung-patungnya yang bertujuan untuk menjaga kepentingannya. Akibat ketaksuban terhadap kebolehan diri sendiri, Mega menjadi seorang yang sombong dan bongkak. Dia terlalu percaya bahawa manusia

mempunyai kuasa mutlak yang boleh menentukan arah hidupnya. Keegoan Mega mendapat tentangan dari Alang dan Dupa. Akhirnya, Mega tumpas di tangan Alang dan Dupa.

**iii. *Mayat* (1978).**

Drama ini mengisahkan penduduk kampung setingan di pinggir sebuah kota raya yang menghadapi masalah untuk mengebumikan mayat kawannya. Tanah kubur di kampung mereka sudah tidak boleh lagi ditanam mayat kerana semua ruang kosongnya sudah ditempah oleh orang-orang kaya. Dalam keadaan yang buntu itu, muncul Orang Luar yang sanggup membeli mayat. Penduduk kampung sangat terkejut kerana tidak menyangka ada perniagaan jual beli mayat di tempat mereka. Namun, atas sifat kemanusiaan dan berpegang teguh pada ajaran agama, mereka tidak sanggup menjual mayat tersebut walaupun hidup mereka miskin. Drama ini berakhir dengan situasi yang mencemaskan apabila mayat kawan mereka telah hilang.

**iv. *Stesen* (1978).**

Drama masyarakat ini mengisahkan tiga orang sahabat Busu, Maniam dan Ah Meng mencari rezeki dengan menjaja makanan dan minuman di sebuah stesyen keretapi. Persahabatan mereka sangat akrab walaupun berlainan agama, bangsa dan budaya. Atas alasan pembangunan, perniagaan kecil-kecilan mereka akhirnya terpaksa dihentikan kerana stesyen keretapi akan dipindahkan ke tempat baru. Sebuah syarikat gergasi dari luar negara telah melabur modal untuk mengusahakan kawasan stesyen sebagai tapak perlombongan bijih besi. Rumah haram yang diduduki Busu, Maniam dan Ah Meng bersama ahli keluarga masing-masing berdekatan dengan stesyen, juga telah dirobuhkan oleh pihak penguasa.

**v. *jebat* (1982).**

Drama ini mengisahkan Hang Tuah yang telah berjaya menjadi hulubalang di istana kerana keberaniannya. Hang Tuah, membawa bersama beberapa orang kawan-kawannya untuk berkhidmat kepada Sultan termasuklah Jebat yang telah dilantik sebagai memegang tugas-tugas khas. Dengan bantuan Dang Wangi, Jebat banyak menolong rakyat jelata terutamanya kumpulan kelas bawahan dan miskin. Hang Tuah telah difitnah oleh Orang Kaya I dan Orang Kaya II. Sultan mengarahkan Hang Tuah dihukum bunuh. Atas kebijaksanaan Bendahara, Hang Tuah tidak dihukum bunuh, tetapi disembunyikan. Tindakan Sultan menghukum Hang Tuah tanpa diberi hak membela diri, ditentang oleh Jebat. Hang Tuah diberi pengampunan dan diminta menentang penderhakaan Jebat. Berlaku pertarungan yang sengit di antara mereka berdua. Memandangkan kehebatan Jebat yang tidak dapat dikalahkan oleh Hang Tuah, pihak istana telah menjanjikan harta kemewahan dan pangkat sekiranya beliau menyerah kalah. Termakan dengan helah tersebut, Jebat menyerah kalah. Malangnya, Jebat telah ditawan dan dibunuh. Mayatnya dicampak ke laut. Walaupun Jebat mati, penduduk kampung berasa gembira kerana Dang Wangi bakal melahirkan anak keturunan Jebat.

**vi. *Syyy!...*(1984).**

Melalui drama *Syyy!...*, Hatta Azad Khan telah mengetengahkan kehidupan penduduk kampung setinggan di pinggir sebuah bandar raya. Drama ini bermula dengan masalah yang tercetus disebabkan cadangan pembinaan loji penapis najis oleh Majlis Kota Raya di kampung mereka. Cadangan pembinaan loji ini telah menimbulkan reaksi yang tidak senang hati oleh penduduk kampung yang diwakili oleh Pak Busu, Pak Uda, Budin, Mak Usu dan Mat Deris. Mereka merancang untuk mengadakan demonstrasi serta menyerbu pejabat majlis Kota Raya. Kedatangan dua orang

pegawai bagi pihak majlis Kota Raya untuk berunding dengan wakil penduduk, tidak mampu menyelesaikan masalah. Desakan yang bertubi-tubi akhirnya menyebabkan Datuk Kota Raya bersetuju memperkecilkan keluasan pembinaan loji penyimpanan dan penapisan najis di Kampung Seri Wangi daripada 34 ekar kepada 10 ekar sahaja.

**vii. *Nasib* (1986).**

Drama jenis realisme ini mengisahkan tentang senario kehidupan masyarakat terpinggir di sebuah perkampungan nelayan yang menghadapi dilema kesan dari arus pembangunan yang melanda kampung mereka. Beberapa orang pemuda kampung gagal merebut peluang keemasan untuk bekerja di kapal minyak yang beroperasi di perairan laut kampung mereka, kerana tidak mempunyai kelayakan akademik yang tinggi. Akibat dibelenggu kemiskinan, mereka terus bergantung hidup kepada Tauke Guan yang banyak membantu mereka dari segi kewangan. Tauke Guan juga menjadi peraih yang memasarkan hasil tangkapan penduduk kampung.

**viii. *Muzikal Tanah, Air, Api dan Angin* (1994).**

Drama ini mengisahkan penduduk kampung tradisional di pedalaman Sarawak yang berada dalam kemiskinan. Jurang perbezaan hidup mereka dengan penduduk bandar begitu ketara. Lantaran kesusahan hidup yang melampau, mereka terlalu inginkan angin kemajuan. Sehubungan itu, tawaran pembangunan yang dihulurkan oleh pemaju dari bandar, diterima dengan hati yang terbuka. Namun pembangunan tidak seindah yang disangkakan. Mereka telah diarah berpindah untuk memberi laluan kepada pembinaan projek empangan elektrik hidro. Walaupun pihak pemaju telah membina penempatan baru kepada mereka, namun tanah pusaka dan leluhur nenek moyang yang hilang, sukar dicari ganti.

**ix. *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu (2006).***

Muzikal ini mengisahkan sekumpulan pelajar universiti iaitu Sukarman, Daljit, Siti, Annie dan Korina, menyelinap ke kawasan perumahan Pangsapuri Seri Wangi untuk membuat kajian tentang kehidupan seharian penduduk di situ. Mereka memilih tempat itu kerana dikatakan kisah kehidupan penduduk di situlah yang mencetuskan idea kepada siri sitkom televisyen yang menjadi kegemaran mereka. Bagi mendapatkan gambaran sebenar, para pelajar ini telah melakukan penyamaran. Siti telah menjadi pembantu Mak Ngah di warung, Annie dan Korina membantu Lucy di salun. Sukarman dan Daljit menumpang tinggal di rumah Mat Deris dan Budin. Hasil penyamaran itu, mereka berjaya menyelami kehidupan sebenar penghuni perumahan pangsapuri itu yang hidup serba sederhana tetapi penuh dengan rasa kasih sayang dan hormat-menghormati. Oleh kerana tertarik dengan kebolehan berlakon penduduk Pangsapuri Seri Wangi, para pelajar itu juga bercadang untuk membawa penduduk-penduduk di situ menjayakan persembahan drama muzikal di Istana Budaya dengan bantuan pengarah drama tersohor tanah air, Hafsham Othman.

**x. *Muzikal Kampung Baru (2008).***

Drama ini memaparkan tentang kedaifan penduduk Kampung Baru yang telah sekian lama terbiar dan berada dalam keadaan yang amat menyedihkan. Kampung ini terletak di tengah-tengah bangunan pencakar langit yang berdiri megah di sekelilingnya. Walaupun beberapa usaha dan percubaan telah dibuat untuk membangunkan kampung ini, namun semua usahanya tidak membuahkan hasil. Kampung Baru masih dibelenggu oleh status tanah orang Melayu yang telah digazet dan terus dipenuhi dengan rumah buruk, lama dan usang, dengan longkang yang tersumbat dan tandas yang lama. Kampung Baru dilihat jauh terkebelakang berbanding dengan kawasan yang berjiran dengannya. Penduduk di sini hanya

bergantung hidup kepada urusan perniagaan kecil-kecilan seperti warung kopi, kedai cuci kereta, perniagaan sewa khemah dan katering serta kedai sewa kereta secara kecil-kecilan.

Demikianlah 10 buah drama yang menjadi fokus kajian ini. Sememangnya, pemilihan teks-teks tersebut tidak dibuat secara sambil lewa. Setiap teks yang dipilih mempunyai kelebihan dan kekuatannya yang tertentu. Antara lain kelebihan dan kekuatan teks tersebut adalah dari segi kesesuaian isi penceritaan dan keunggulan strategi naratif yang digunakan oleh pengarangnya. Sememangnya tumpuan penceritaan yang terdapat dalam teks-teks yang dipilih, berkisar pada kehidupan seharian golongan marhaen yang merupakan fokus utama dalam kajian ini. Isu-isu politik, sosial dan ekonomi sememangnya banyak diketengahkan Hatta melalui drama-dramanya. Sementara itu, strategi naratif yang diguna pakai oleh Hatta dalam drama-drama yang dipilih sebagai teks kajian ini juga, dilihat mempunyai kekuatan yang tersendiri seperti dari segi dialog/bahasanya dan pembinaan unsur-unsur teaterikalnya.

Kemantapan isi dan keunggulan strategi naratif karya drama pentas Hatta Azad Khan, telah diiktiraf kualitinya bukan sahaja oleh orang kebanyakan, bahkan oleh mereka yang pakar dalam bidang drama. Hal ini terbukti apabila, karya drama yang menjadi pilihan dalam kajian ini, meraih pelbagai hadiah utama dalam sayembara penulisan skrip drama seperti Hadiah Kedua Peraduan Menulis Skrip Drama Pentas (Bahagian Drama Pendek) anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1978, dan Sayembara Mengarang Skrip Drama Pentas Sempena Perayaan Jubli Emas Dewan Bahasa Pustaka pada tahun 2008.<sup>13</sup>

---

<sup>13</sup> Akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab 2.

Selain itu, kriteria pemilihan teks drama yang dijadikan sampel kajian juga dibuat bagi mewakili setiap dekad yang dilalui oleh pengarangnya. Hatta Azad Khan telah berkecimpung dalam dunia penulisan teks drama pentas dalam tempoh masa yang agak panjang, iaitu bermula dari dekad 1970-an sehingga sekarang. Sesungguhnya, pada setiap dekad bermacam-macam peristiwa telah berlaku yang dicorakkan oleh keadaan sosio-ekonomi-politik negara pada masa itu. Oleh itu, terdapat banyak peristiwa yang menjadi sumber inspirasi Hatta untuk dijadikan subjek naratifnya. Pemilihan tajuk drama mengikut dekad adalah seperti berikut;

- i. Dekad 1970-an diwakili oleh drama *Kerusi* (1976), *Patung-Patung* (1977), *Stesen* (1978) dan *Mayat* (1978).
- ii. Dekad 1980-an diwakili oleh drama *jebat* (1982), *Syyy!...*(1984) dan *Nasib* (1986).
- iii. Dekad 1990-an hingga kini diwakili drama *Muzikal Tanah, Air, Api dan Angin* (1994), *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* (2006) dan *Muzikal Kampung Baru* (2008).

Sejarah perkembangan drama Melayu moden telah merekodkan bahawa dunia penulisan drama Melayu bergerak mengikut aliran perkembangannya yang tersendiri. Sejak dari 1970-an sehingga kini, terdapat sekurang-kurangnya tiga fasa aliran perkembangan drama Melayu. Fasa tersebut adalah fasa drama realisme, fasa drama absurd atau antirealisme dan fasa drama muzikal.<sup>14</sup> Ketiga-tiga fasa ini turut dilalui oleh Hatta. Penglibatan Hatta dalam bidang penulisan drama pentas dalam tempoh masa yang agak panjang, membuktikan Hatta seorang pengarang yang *versatile*. Sehubungan itu, pemilihan teks kajian juga dibuat berdasarkan kepada kepelbagaian jenis aliran drama yang telah diharungi oleh pengarangnya. Oleh itu,

---

<sup>14</sup> Keterangan lanjut tentang jenis-jenis drama ini dibincangkan dalam bab 5.

teks yang dipilih untuk kajian ini merangkumi ketiga-tiga fasa aliran yang dilalui Hatta, iaitu;

- i. Drama absurd (antirealisme) - Diwakili oleh *Kerusi* (1976) dan *Patung-Patung* (1977).
- ii. Drama realisme - Diwakili oleh *Stesen* (1978), *Mayat* (1978), *jebat* (1982), *Syyy!..*(1984) dan *Nasib* (1986).
- iii. Drama muzikal - Diwakili oleh *Muzikal Tanah Air, Angin dan Api* (1994), *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* (2008) dan *Muzikal Kampung Baru* (2008).

Tegasnya, skop dan batasan kajian yang dibuat dalam kajian ini diyakini akan dapat menyediakan data yang sesuai dan tepat bagi mendapatkan hasil kajian yang mempunyai darjah kepercayaan dan kesahan yang tinggi.

## **1.6 Metodologi Kajian**

Metodologi kajian ini bersifat kualitatif yang dibina berpaksikan kepada metodologi kajian sains sosial dengan mengambil data eksperimen daripada teks drama. Menurut Bernard (2000), sains sosial adalah “*the sciences of human thought and human behaviour.*” Memperincikan lebih lanjut perkara ini, beliau menjelaskan bahawa, “*most of recoverable information about human thought and human behaviour is naturally occurring text. Books, magazines, newspapers, diaries, song lyric-these are archaeological residue of literate societies around the world.*” Oleh itu, sejajar dengan pendapat tokoh di atas, kajian ini telah menggunakan teks drama pentas ciptaan Hatta Azad Khan sebagai teks utama, sementara buku, jurnal, majalah,



akhbar, surat pekeliling, minit mesyuarat, kertas kerja dan transkripsi temu bual sebagai teks sekunder.

Kajian ini juga dilakukan melalui kaedah integrasi yakni gabungan antara aspek luaran dan aspek dalaman. Lantaran itu, teks-teks drama yang menjadi sampel kajian, telah dibuat '*interpretive analysis*'. Menurut Ungku Maimunah (1995 dan 2007), pengkaji bidang persuratan yang berwibawa seharusnya tidak memisahkan aspek luaran dan aspek dalaman sesebuah teks yang dijadikan data kajian. Pada pendapat beliau lagi, dimensi seni dan dimensi sosial yang terkandung dalam teks perlu dilihat secara bersepadu kerana kedua-duanya saling lengkap melengkapi. Hal ini kerana, pemusatan kepada satu aspek misalkan aspek dalaman sahaja, memperlihatkan satu kepincangan dan tidak adil. Perkara yang sama juga diperkatakan oleh Muhammad Haji Salleh (1999). Menurut sasterawan negara ini, konteks sosial, latar sejarah dan kepercayaan pengarang sangat penting dan harus digabungkan dengan *practical criticism* untuk berlaku adil kepada pengarang dan karya, serta pada masa yang sama, membantu khalayak untuk mengalami suatu nikmat sastera yang lebih sempurna. Bertepatan dengan prinsip tersebut, maka metodologi kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah integrasi antara unsur dalaman teks (intrinsik) dengan unsur luaran teks (ekstrinsik). Unsur dalaman teks menjurus kepada pemikiran, mesej, watak dan aksi serta bahasa/dialog, sementara itu aspek luaran menjurus kepada faktor sosiobudaya iaitu pengalaman pengarang yang tertakluk pada pengaruh dan tuntutan yang mengelilinginya. Melalui penggunaan kaedah pengintegrasian ini diharap mampu memberikan hasil kajian yang tepat dan memuaskan. Perhubungan dua pemboleh ubah ini akan dianalisis dan dihuraikan dalam bab-bab berikutnya.

Dari segi pelaksanaan, kajian ini dilakukan melalui dua cara iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan dibuat bagi mendapat data melalui teks drama. Kajian kepustakaan telah ditumpukan kepada analisis struktural terhadap teks drama yang dibangunkan melalui kata-kata, ungkapan, kalimat atau pernyataan dengan arahan pentas untuk aksi atau gerak watak tertentu. Kata-kata, ungkapan dan arahan pentas itu telah dianalisis dan ditafsir untuk mencari pemikiran dan mesej tertentu yang ingin disampaikan oleh pengarang. Setelah difahami pemikiran dan mesej drama, langkah seterusnya menjurus kepada proses penafsiran ke luar teks khususnya kepada kelompok-kelompok masyarakat dan persekitaran yang melatari kehidupan pengarang. Fakta-fakta sejarah, peristiwa dan kejadian-kejadian tertentu yang mempunyai perkaitan dengan kandungan teks drama tersebut ditelusuri untuk mengaitkan hubungan mesej dan pemikiran yang terdapat dalam drama.

Kajian lapangan pula berupa aktiviti temu bual. Informan yang dipilih adalah tokoh yang menjadi subjek kajian ini. Temu bual dibuat berdasarkan kepada teknik temu bual terarah (*structured interviewing*). Melalui teknik ini, soalan-soalan temu bual telah dirangka terlebih dahulu dan informan dipandu untuk menjawab soalan-soalan yang relevan dengan permasalahan kajian.

Kebanyakan teks drama yang dikaji sudah dipentaskan sama ada oleh pengarangnya sendiri mahupun oleh penggiat teater yang lain. Sehubungan itu, analisis rakaman persembahan drama itu juga turut dilakukan dengan tujuan untuk mengukuhkan lagi pemahaman. Analisis akan ditumpukan terhadap dialog-dialog yang dituturkan oleh pelakon. Di samping itu, diperhatikan juga aksi dan tingkahlaku yang ditunjukkan oleh pelakon berdasarkan arahan pentas yang terdapat dalam teks.

Penelitian ini sesungguhnya membantu menambah pemahaman terhadap teks dan gaya kepengarangan subjek kajian.

Akhirnya, bagi mencari jawapan permasalahan kajian, teknik analisis kandungan/isi (*content analysis*) dilakukan. Teknik ini merupakan cabang dalam kaedah analisis data kualitatif<sup>15</sup> (*Qualitative Data Analysis*). Menurut Neuman (2003, hlm. 310), teknik analisis kandungan/isi adalah “*a technic for gathering and analyzing the content of text. The content of text refers to words, meaning, pictures, symbols, ideas, themes, or any messages that can be a medium for communication.*” Teknik analisis ini diaplikasikan dengan melakukan pencatatan terhadap petunjuk-petunjuk khas daripada data yang diikuti dengan penganalisan dan permaknaan terhadap data. Sebanyak 10 buah teks dijadikan sampel kajian yang mewakili keseluruhan teks drama ciptaan subjek kajian.

### **1.7 Kerangka Teori**

Seorang karyawan besar akan sentiasa memaparkan hal ehwal yang berkaitan dengan masyarakatnya. Denyut nadi masyarakat sekelilingnya, menjadi tanggapan dan renungan dari sudut kaca mata seninya yang kemudian dianalisis dan diluahkan dalam karya. Hal ini kerana, karyawan dikatakan mempunyai tanggungjawab sosial yang bertindak sebagai agen perubahan untuk memberi kesedaran kepada khalayak dari segenap lapisan masyarakat bagi membina masa depan yang lebih gemilang. Sesungguhnya, teks-teks drama yang dicipta Hatta adalah hasil reaksinya terhadap fenomena sosial yang berlaku dalam masyarakat seharian. Beliau sangat berpegang

---

<sup>15</sup> Menurut H. Russel Bernard (2000), “*It’s called qualitative because the primary data they deal with are all the text.*” Menurutnya lagi terdapat pelbagai teknik analisis data tergolong dalam kaedah ini seperti teknik analisis kandungan/isi, analisis naratif dan persembahan, analisis wacana dan analisis rentas-budaya.

teguh kepada “aksi di pentas adalah representasi kepada kehidupan sebenar” (Hatta Azad Khan, 2009). Hampir kesemua drama-dramanya, dikaitkan dengan situasi yang benar-benar berlaku dalam sejarah perkembangan negara. *Muzikal Tanah, Air, Api dan Angin* (1994) misalnya, merupakan reaksi Hatta terhadap resah gelisah “adik kakak”<sup>16</sup> peribumi di Sarawak yang terpaksa menyerahkan tanah air milik mereka kepada pihak berkepentingan atas tiket pembangunan.<sup>17</sup> Begitu juga dari segi latar belakang hidup Hatta; dibesarkan dalam sebuah keluarga yang subur dengan sifat kasih sayang, kemudian terpaksa hidup secara bersendirian di tempat orang untuk mencari ilmu ketika berusia 12 tahun, sedikit sebanyak telah membentuk jati diri Hatta yang kental dengan sifat berdikari dan daya prihatin. Sifat-sifat ini ternyata begitu jelas kelihatan dalam karya-karya drama beliau sejak dahulu hingga kini. Kesemua drama-drama ciptaanya tidak lari dari meluahkan rasa keprihatinannya terhadap masyarakat terpinggir yang menjadi *axis* pemusatan karyanya.<sup>18</sup>

Sehubungan itu, kajian ini telah menggunakan pendekatan sosiologi sastera. Sosiologi sastera berpegang pada prinsip bahawa sastera tidak boleh terpisah dengan

---

<sup>16</sup> Istilah ini digunakan oleh Hatta dalam prakata *Kumpulan Drama Muzikal Hatta Khan, Bisikan Tanah, Air, Api dan Angin* (2011) yang merujuk kepada penduduk yang tinggal di negeri Sarawak.

<sup>17</sup> Drama ini didakwa mempunyai hubungan rapat dengan pembinaan Projek Hidroelektrik Bakun. Empangan Bakun adalah sebuah empangan hidroelektrik merentasi Sungai Balui di Sarawak yang kerja pembinaannya bermula pada tahun 1996. Ia merupakan sebuah empangan batu dilitupi konkrit (*concrete faced rockfill dam*) (CFRD) yang tertinggi di dunia. Ia juga akan menjadi empangan terbesar di Asia, selain beberapa empangan lebih besar di negeri Cina. Empangan ini dapat menjana 2,400 MW tenaga elektrik apabila siap. Lihat maklumat lanjut dalam Kertas Kerja Alam Sekitar, *Kontroversi Awam dan Teori Artikulasi: Satu Analisis Kontroversi Projek Hidro Bakun* oleh Prof. Madya Dr. Adnan Hussein (Universiti Sains Malaysia) dan Kamaliah Hj. Siarap (Universiti Sains Malaysia) di laman web [www.eprints.usm.my/6729/1](http://www.eprints.usm.my/6729/1).

<sup>18</sup> Menurut Solehah Ishak (2008), dalam drama *Muzikal KL* (2008), Hatta dilihat masih lagi meneruskan sifat keprihatinan beliau terhadap golongan marhaen yang sesungguhnya memainkan peranan begitu penting dalam pembangunann negara dan kemajuan kota. Ini termasuklah kumpulan pengemis, tukang sapu, pengangkut sampah, pemandu teksi, bas dan sebagainya.